

MoU UMS-MET Tumpu Bidang Meteorologi, Klimatologi dan Geofizik

Terakhir dikemaskini: Isnin, 22 Oktober 2018 16:55 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 136

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


ISNIN, 22 OKTOBER -
Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) dalam satu majlis makan malam yang berlangsung baru-baru ini.

Kerjasama itu

yang diadakan melalui Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) merangkumi perkongsian kemahiran teknikal dalam bidang meteorologi, klimatologi dan geofizik.

MoU itu juga bakal menyaksikan kerjasama yang meliputi pertukaran kemahiran melalui program sangkutan, penyelidikan secara bersama di samping kerjasama dalam menganjurkan latihan, seminar, bengkel dan persidangan yang berkaitan dengan meteorologi, klimatologi dan geofizik.

Pada upacara menandatangani MoU tersebut, UMS diwakili Dekan FSSA, Prof. Dr. Baba Musta dan Pendaftar, No'man Datuk Hj Ahmad.

Manakala MET pula diwakili Ketua Pengarah MET Malaysia, Haji Alui Bahari dan Pengarah Pejabat Meteorologi Sabah, Azemi Daud.

Pemeteraihan MoU yang berlangsung di salah sebuah hotel di Kota Kinabalu memperlihatkan memorandum berkenaan akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun sehingga tahun 2021.